

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 4/1983

TINDAKAN DI BAWAH SEKSYEN 99 KANUN TANAH NEGARA

Arahan ini dikeluarkan untuk memberi tahu semua Pemungut Hasil Tanah tentang tindakan yang patut diambil sekiranya satu-satu tanah itu yang telah dikeluarkan Borang 6A (Notis Tuntutan Hasil) dan tuan tanah selepas menerima notis tersebut telah menjelaskan hasil mengikut tuntutan dalam notis tersebut.

2. Mengikut Seksyen 97(2) bila satu-satu notis tuntutan telah dikeluarkan kepada tuan tanah satu catitan (endorsement) telah dibuat di dalam Daftar Hakmilik tanah yang berkenaan dan mengikut amalan yang lepas bila tuan tanah menjelaskan hasil yang telah dituntutkan catitan yang dibuat di dalam Daftar tersebut tidak dibatalkan mengikut Seksyen 99.
3. Bersama ini dikembarkan satu format untuk mengarah Bahagian Pendaftaran supaya membatal catitan di bawah Seksyen 99 bila tuan tanah menjelaskan hasil yang telah dituntut itu. Bahagian Pungutan Hasil Pejabat Tanah hendaklah menggunakan format ini untuk mengarah bahagian pendaftaran Pejabat Tanah membatalkan catitan di bawah Seksyen 99 bila tuan-tuan tanah yang berkenaan telah menjelaskan hasil bagaimana dituntutkan itu.

Sekian.

t.t
(MD.HUSSAIN BIN HASSAN)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN, KOTA BHARU.**

BERTARIKH: 20HB.APRIL, 1983

FAIL : [P.T.G.KN.4676 S /(3)]

KEPADA:

Semua Pemungut Hasil Tanah,
Kelantan termasuk PPHT Jajahan Kecil Jeli

SALINAN KEPADA:-

1. YAB. Dato' Menteri Besar,
Kelantan, **KOTA BHARU.**
2. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan,
Kelantan,
KOTA BHARU.

PENDAFTAR HAKMILIK NEGERI
PEMUNGUT HASIL TANAH,

.....

TINDAKAN DI BAWAH SEKSYEN 99 KANUN TANAH NEGARA

TANAH-TANAH yang tersebut di dalam jadual di bawah ini telahpun dikeluarkan Notis Tuntutan Hasil (Borang 6A) mengikut Seksyen 97. Tuan-tuan tanah dan/lain-lain pihak yang ada hak di atas tanah tersebut telahpun diserahkan Notis mengikut Seksyen 431.

2. KENYATAAN bersabit dengan pengeluaran Notis Tuntutan Hasil telah dicatit di dalam Daftar Hakmilik mengikut Seksyen 97 (2).
3. ADALAH dimaklumkan yang tuan tanah yang berkenaan telahpun menjelas hasil tanah-tanah tersebut dan tuan diminta membatal catitan di dalam Daftar hakmilik bagi tanah-tanah di bawah ini mengikut Seksyen 99.

JADUAL

JAJAHAN : DAERAH: MUKIM:

No. Hakmilik	No. Lot	Jumlah Hasil	Jumlah Lain- Lain Bayaran	No. Resit

Disediakan Oleh:

Disahkan Oleh:

.....
KETUA KERANI HASIL

.....
PEMUNGUT HASIL TANAH